



16 Mac 2023 - Seramai 69 Pelatih Latihan Intensif Bakal Komander Siri ke 58 dan 67 Pelatih Latihan Intensif Brass Band Siri ke 20 telah berjaya menamatkan sesi latihan yang telah diadakan bermula 5 Mac 2023 dan telah berakhir pada 16 Mac 2023. Kedua-dua latihan ini merupakan program tahunan yang dikendalikan oleh Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar di seluruh sistem UiTM.

Matlamat dan objektif program latihan ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan para pelatih dengan ilmu kepimpinan disamping memupuk semangat kerja berpasukan yang sihat dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan membangunkan semua aspek kemahiran insaniah (KI) dalam kalangan pelatih. Pelbagai aktiviti dan modul diadakan sepanjang LIBK seperti modul ikhtiar hidup, peta dan kompas, tempur tanpa senjata (TTS), kawad kaki, kawad tongkat, latihan fizikal, tali tinggi, modul kepimpinan dan protokol.

MAJLIS PERBARISAN TAMAT

LATIHAN
INTENSIF BAKAL
KOMANDER SIRI
KE 58/2023 DAN
LATIHAN
INTENSIF BRASS
BAND SIRI KE
20/2023



Manakala bagi LIBB, pelatih telah didedahkan mengenai modul berkaitan tatacara mengiringi perbarisan kawad kaki bagi tamat latihan dan kawalan kehormatan, teknik dan penguasaan persembahan colour guard, latihan lanjutan mengikut seksyen dan alatan serta beberapa modul khas yang telah disusun.

Dalam majlis ini juga sebanyak lima (5) anugerah pelatih terbaik dari LIBK dan Sembilan (9) anugerah pelatih terbaik LIBB bagi pencapaian cemerlang pelatih sepanjang latihan tersebut.

Selain itu, Majlis Pemakaian Pangkat kepada para pelatih turut telah disempurnakan oleh YBhg. Brig. Jen. (K) Prof. Madya Ts, Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi (KEST), Rektor UiTM Cawangan Perlis diiringi oleh Kolonel (K) Prof. Madya Dr. Ahmad Nizan Mat Noor (KEST), Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perlis dan Mejar Muhammad Najib Mohd Redzwan (KEST) Ketua Unit Kokurikulum UiTM Cawangan Perlis. Majlis ini juga turut disaksikan oleh Pegawai-Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Perlis, Ketua - Ketua Unit Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perlis dan para Ibu Bapa.



Disediakan oleh :
Puan Nur Aishah Zakaria
Pembantu Tadbir Kanan